



How to cite this article:

Hussin, Z., & Mustapha, N. F., Pabiyah Toklubok@Hajimaming, Majdan Alias & Ismail, M. Z. (2021). Kepentingan skemata Arab terhadap kefahaman al-Quran dan pencapaian hafazan. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 18(1), 265-287. <https://doi.org/10.32890/mjli2021.18.1.11>

KEPENTINGAN SKEMATA ARAB TERHADAP KEFAHAMAN AL-QURAN DAN PENCAPAIAN HAFAZAN

(Importance of Arabic Language Schemata in Al-Quran Understanding and Memorisation Achievement)

¹Zahriah Hussin, ²Nik Farhan Mustapha,

³Pabiyah Toklubok@Hajimaming,

⁴Majdan Alias & ⁵Muhd Zulkifli Ismail

^{1,2,3&5}Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, Malaysia

⁴Kulliyyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

²Corresponding author: farhan@upm.edu.my

Received: 10/3/2020

Revised: 15/11/2020

Accepted: 19/11/2020

Published: 31/01/2021

ABSTRAK

Tujuan – Walaupun pendidikan tahfiz berkembang pesat mutakhir ini, pencapaian hafazan al-Quran di institusi *tahfiz* didapati masih kurang memberangsangkan. Salah satu faktor kelemahan pencapaian hafazan dipercayai berpunca daripada kelemahan memahami makna ayat al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz. Walaupun banyak kajian telah dijalankan, namun terdapat jurang pengetahuan tentang faktor di sebalik masalah kefahaman al-Quran. Sementara itu, beberapa sarjana Islam didapati menekankan pengajaran bahasa Arab dalam sistem pendidikan tahfiz. Justeru, kajian ini meneroka kepentingan skemata bahasa Arab dalam meramal pencapaian hafazan melalui kefahaman al-Quran.

Metodologi – Dengan mengambil pendekatan kuantitatif, kajian ini menyelidiki pengaruh skemata bahasa Arab terhadap pencapaian hafazan

dalam kalangan pelajar tahfiz yang mempunyai latar belakang pengajian bahasa Arab. Faktor pengantara, iaitu kefahaman al-Quran turut diteliti. Kajian dijalankan terhadap 246 sampel dari empat buah institusi tahfiz di Malaysia yang mensyaratkan pelajar mempunyai skemata bahasa Arab pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Pengumpulan data dilakukan melalui teknik ujian bagi mengukur tahap skemata bahasa Arab yang terdiri daripada nahu, saraf dan kosa kata, tahap kefahaman al-Quran dan juga pencapaian hafazan.

Dapatan – Hasil analisis menggunakan *Partial Least Square – Structural Equation Modeling* (PLS-SEM) dan prosedur *Bootstrapping* menunjukkan bahawa skemata bahasa Arab mempunyai kesan langsung dan kesan tidak langsung terhadap pencapaian hafazan melalui kefahaman al-Quran.

Signifikan- – Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa skemata bahasa Arab dan kefahaman al-Quran menjadi faktor peramal yang relevan terhadap pencapaian hafazan.

Kata kunci: Skemata Arab, kefahaman al-Quran, pencapaian hafazan, nahu, kosa kata.

ABSTRACT

Purpose – *Even though tahfiz education has been developing tremendously, tahfiz students' achievement in memorising the Quran is still not very encouraging. Weakness in understanding the meaning of Quranic phrases is believed to be one of the reasons for this shortcoming. Despite numerous studies, a knowledge gap still exists regarding the factors underpinning the problem of understanding the Quran. At the same time, several Islamic scholars have emphasised on the teaching of Arabic in the tahfiz education system. Thus, this research explored the importance of Arabic language schemata in predicting memorisation achievement through the understanding of the Quran.*

Methodology – *Utilising a quantitative approach, this research explored the influence of Arabic language schemata on memorisation achievement among tahfiz students with knowledge of the Arabic language. The mediating factor investigated was the understanding of the Quran. The research was conducted on a sample of 246 students from four Malaysian tahfiz institutions that required students to possess Arabic language schemata at Sijil Pelajaran Malaysia (Malaysian Certificate of Education) level. Data collection was carried out through testing techniques to measure the Arabic*

language schemata level, comprising 'nahu' (Arabic syntax), 'saraf' (Arabic morphology) and vocabulary, the level of understanding of the Quran and also memorisation achievement.

Findings – *The results of the analysis using Partial Least Square-Structural Equation Modeling (PLS-SEM) and Bootstrapping procedure showed that Arabic language schemata had direct and indirect effects on memorisation achievement through the understanding of the Quran.*

Significance – *The findings clarify that Arabic language schemata and understanding the Quran are relevant predicting factors in memorisation achievement.*

Keywords: *Arabic language schemata, understanding of the Quran, memorisation achievement, syntax, vocabulary.*

PENGENALAN

Perkembangan pendidikan tahfiz begitu pesat mutakhir ini. Mengikut data Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI) yang diselaraskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), sehingga Jun 2015, terdapat sebanyak 28 Maahad Tahfiz Negeri (5,826 orang), 495 Maahad Tahfiz Swasta (28,439 orang) dan 9 buah Kolej Tahfiz Negeri (1,722 orang) telah direkodkan. Namun demikian pencapaian hafazan dalam kalangan pelajar tahfiz didapati kurang memberangsangkan. Sejak lebih sedekad yang lalu, dilaporkan tidak ramai pelajar tahfiz dapat menamatkan pengajian dengan jayanya, malah pencapaian ujian hafazan didapati kurang memuaskan. Turut dilaporkan bahawa 60 peratus daripada pelajar sebuah Maahad Tahfiz al-Quran Negeri yang dikaji tidak berjaya menamatkan 30 juzuk al-Quran dalam enam semester yang ditetapkan (Azmil, 2010; Sedek & Zulkfli, 2015). Begitu juga, ketika kajian ini dimulakan pada tahun 2016, dimaklumkan bahawa masalah pembuangan pelajar yang lemah hafazan berlaku pada setiap semester di Darul Quran JAKIM. Beberapa contoh yang dikemukakan membuktikan wujud senario kelemahan pencapaian hafazan dalam kalangan pelajar yang telah terpilih ke pusat pengajian tahfiz.

Salah satu faktor yang dikenalpasti mempunyai hubungan dengan pencapaian hafazan ialah masalah kefahaman ayat al-Quran. Misalnya, pelajar dikatakan kurang berusaha untuk mencari makna ayat dan kalimah dalam al-Quran (Azmil et al., 2014). Satu kajian terhadap pelajar Darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN) mendapati pencapaian hafazan lisan dan kefahaman

pelajar terhadap ayat hafazan berada pada tahap yang lemah (Azmil et al., 2013). Walhal, aspek kefahaman ayat ditekankan oleh sarjana bidang hafazan sebagai strategi membantu meningkatkan penguasaan hafazan (al-Zawawi, 2013). Malah, antara strategi berkesan yang dikenalpasti digunakan oleh pelajar cemerlang hafazan ialah meraikan tempat *waqaf* dan *ibtida'* melalui cara memahami makna ayat yang dihafaz (Nik Md Saiful Azizi, 2014).

Sehubungan dengan itu, beberapa kajian ditemui telah dijalankan untuk mendalami faktor kefahaman ayat al-Quran dalam membantu pengejalan hafazan (Abdul Jalal et al., 2016; Ikhwanuddin & Che Noraini, 2014). Namun begitu masih terdapat kelompangan dalam kajian yang telah dijalankan khususnya sumber kefahaman ayat al-Quran, iaitu sama ada melalui terjemahan atau melalui pengetahuan bahasa Arab. Sekumpulan penyelidik DQ JAKIM (Abdul Jalal et al., 2016) misalnya tidak memfokuskan kepentingan faktor pengetahuan bahasa Arab, sebaliknya menggunakan al-Quran terjemahan sebagai sumber kefahaman dalam eksperimen mereka tentang faktor kefahaman dalam hafazan. Kajian Ikhwanuddin dan Che Noraini (2014) juga tidak menghubungkan hafazan secara langsung dengan pengetahuan bahasa Arab tetapi mengaitkan hafazan dengan pengetahuan tafsir al-Quran dalam menerangkan kepentingan kefahaman terhadap hafazan al-Quran.

Ringkasnya, walaupun pencapaian hafazan kurang memberangsangkan serta wujudnya kelemahan dalam kefahaman makna ayat al-Quran dan diakui bahawa kefahaman al-Quran penting terhadap pencapaian hafazan, namun fokus kajian lepas yang tidak menumpukan aspek bahasa Arab seolah-olah tidak mencari punca permasalahan sebenar di sebalik kelemahan kefahaman al-Quran, iaitu aspek pengetahuan bahasa al-Quran itu sendiri yakni bahasa Arab. Justeru, kajian ini merupakan antara yang julung kali dilakukan bagi meneroka aspek skemata bahasa Arab sebagai faktor peramal terhadap kefahaman al-Quran dan sekaligus mengenalpasti sumbangannya terhadap pencapaian hafazan.

TEORI SKEMATA

Perdebatan tentang skemata bukanlah perkara baru. Istilah skemata dikatakan mula digunakan oleh Bartlett sebagai suatu pengaturan aktif yang berlaku dalam minda seseorang tentang reaksi atau pengalaman lepas (Carrell, 1983). Dalam konteks kemahiran membaca pula, konsep skemata dikaji apabila seseorang pembaca menggunakan pengetahuan lampau atau pengalaman lepas untuk memahami teks dan mempelajari sesuatu daripadanya. Skop kajian dan perbincangan tentang fungsi skemata dalam kemahiran ini pula terlalu

luas. Malah, skemata dalam pemahaman teks merupakan bidang yang banyak dikaji oleh sarjana barat seperti Rumelhart dan Carrell yang terkenal dengan penyelidikan tentang pembacaan teks dalam konteks pembelajaran bahasa (Carrell, 1983; Carrell 1987). Skemata dianggap penting kerana menurut Carrell (1983), seseorang itu lebih memahami sesuatu perkara apabila perkara itu dapat dikaitkan dengan pengetahuan sedia ada pada dirinya. Oleh itu teori skemata dalam konteks pembelajaran bahasa menyatakan, pemahaman terhadap sesuatu yang didengar atau dibaca merupakan proses interaktif yang saling bertindak balas di antara kandungan teks dan pengetahuan lepas pembaca (Carrell, 1983). Pada awalnya, Carrell (1983) membahagikan skemata kepada dua jenis sahaja, iaitu skemata kandungan dan skemata formal. Skemata kandungan ialah pengetahuan lepas tentang sesuatu perkara berkaitan latar belakang, budaya dan sebagainya. Manakala skemata formal pula adalah merujuk kepada aspek retorik dan gaya persembahan sesuatu teks. Namun demikian, beliau telah menambah skemata bahasa dan menganggapnya sebagai asas atau prasyarat dalam pemahaman teks (Carrell, 1987), mengatasi kepentingan skemata kandungan dan skemata formal.

Umumnya, pengajaran menggunakan model skemata didapati meningkatkan pencapaian kefahaman murid. Dalam konteks bahasa Arab, pakar psikologi pengajaran bahasa Arab menyarankan, pengajaran membaca dengan cara mengaktifkan skemata merupakan satu tips yang berkesan bagi para guru mempraktikkannya (Nik Farhan, 2010). Turut didapati, skemata menjadi pencetus motivasi atau faktor penggalak terutama bagi pembaca yang kurang cekap dalam kemahiran membaca (Nik Farhan, 2011). Selain itu, kajian tindakan oleh Awatif dan pasukannya (Awatif et al., 2017) dalam mengenalpasti hubungan penguasaan bahasa Arab dengan kemahiran membaca mendapati aktiviti mengaktifkan skemata ketika proses pembelajaran mampu meningkatkan penguasaan kefahaman bacaan di dalam bilik darjah. Selain daripada kefahaman teks, skemata juga dikaji dalam kemahiran menulis (Hamed et al. 2014) dan kemahiran mendengar (Hu, 2012). Adapun bagi kemahiran mengingat atau menghafaz, tidak banyak kajian ditemui mengaitkannya dengan aspek skemata. Secara spesifik, belum ditemui kajian tentang aspek skemata bahasa Arab dalam konteks mengingat ayat al-Quran. Maka kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti adakah teori skemata mempunyai hubungan dengan aktiviti mengingat khususnya hafazan al-Quran.

HUBUNGAN SKEMATA BAHASA DENGAN KEFAHAMAN DAN HAFAZAN AL-QURAN

Seperti disarankan oleh Carrell (1987), skemata bahasa ialah satu bentuk pengetahuan lepas yang utama dalam konteks pemerolehan bahasa. Ia merujuk

kepada pengetahuan tentang aspek bunyi (fonem), kosa kata, frasa, struktur ayat, tatabahasa, dan sebagainya (Hu, 2012). Skemata jenis ini sangat penting dalam pemahaman bacaan. Ini adalah kerana perkara pertama yang perlu ada pada seorang pembaca ialah perhatian terhadap makna perkataan, bunyi sebutan dan struktur tatabahasa untuk memahami teks yang dibaca. Namun demikian, kajian-kajian lepas lebih memfokuskan skemata kandungan dan skemata formal berbanding skemata bahasa.

Sehubungan dengan itu, adalah sesuatu yang *'badhiy'* yakni sangat logik untuk mengaitkan kepentingan skemata bahasa Arab dengan proses pemahaman ayat al-Quran. Kefahaman melalui penguasaan bahasa Arab mempunyai impak yang lebih besar bagi orang yang menguasai bahasa itu kerana struktur ayat bahasa al-Quran yang istimewa dari segi sistem morfologi, sintaks dan leksikal yang luas dan mendalam (Azhar, 2005). Malah, bahasa Arab telah diperakui sebagai satu wasilah untuk seseorang memahami makna al-Quran (al-Zain, 2009). Dalam hal ini, Imam al-Shafie (1999) menegaskan bahawa kewajipan memahami al-Quran tidak sempurna melainkan dengan memahami bahasa Arab, justeru memahami bahasa Arab juga menjadi satu kewajipan. Maksud ayat al-Quran berikut menerangkan hubungan bahasa Arab dan kefahaman al-Quran (Yusuf, 12: 2):

“Sesungguhnya Kami (Allah) yang telah menurunkannya berupa Al-Quran dalam bahasa Arab, agar kamu (mengggunakan akal) memahaminya.”

Maksud ayat ini ketika menerangkan tentang penurunan al-Quran dengan bahasa Arab, Allah menggandingkannya dengan aspek kognitif, iaitu menggunakan akal untuk tujuan kefahaman. Ia bererti, al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab untuk difahami maknanya melalui bahasa itu. Bertitik tolak daripada kehendak ayat inilah didapati ramai sarjana silam menekankan penguasaan kefahaman al-Quran dan ilmu bahasa Arab dalam kalangan pelajar al-Quran. Ibnu Khaldun (wafat 808H=1406M) misalnya sangat menekankan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz. Menurut beliau, kemampuan menghafaz bukanlah satu tanda kehebatan tetapi keupayaan memahami ayat al-Quran adalah lambang keintelektualan sebenar yang tidak lain tidak bukan diperoleh melalui penguasaan ilmu bahasa Arab sebagai alatnya (Ibnu Khaldun, 1984; al-Qabisi, 1986). Hal ini selari dengan amalan sistem pendidikan tahfiz al-Qabisi pada zaman sebelumnya (kurun ke-4 Hijrah) yang mewajibkan guru tahfiz mengajarkan bahasa Arab khususnya nahu dan fleksi selain al-Quran.

Dalam sistem tahfiz pada zaman al-Qabisi (wafat 1013M), pencapaian tahfiz bukan sahaja dinilai pada kelancaran hafazan malah turut merangkumi aspek kefahaman dan kebolehan membariskan al-Quran. Penekanan ilmu bahasa

Arab bukan sahaja berlaku dalam kalangan sarjana silam malah turut ditemui pada zaman mutakhir ini di sebelah nusantara.

Tok Kenali terkenal di alam nusantara dengan gerakan tajdid beliau yang berusaha mendekatkan ilmu bahasa Arab dengan pengajian al-Quran, iaitu dengan memartabatkan pendidikan bahasa Arab khususnya ilmu nahu (Abdul Hayei, 2003). Sebagai seorang Melayu yang mempunyai pendidikan luas dalam bidang al-Quran, faktor yang menggerakkan Tok Kenali dalam mengajak masyarakat Melayu memperkasakan penguasaan bahasa Arab lahir daripada kesedaran beliau terhadap kepentingan bahasa itu dalam memahami al-Quran dan al-Sunnah selaku rujukan umat Islam. Bahasa Arab bukan sekadar dipelajari untuk dijadikan bahasa komunikasi malah ia merupakan bahasa ilmu yang paling penting bagi umat Islam dalam memahami wahyu. Dalam konteks kefahaman al-Quran, temubual pengkaji dengan seorang pegawai kanan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Puan Hajah Zawanah Muhammad pada bulan Julai 2017 mendapati beliau kurang berpuas hati dengan tahap kefahaman al-Quran pelajar Darul Quran JAKIM berdasarkan pengalamannya semasa menjawat jawatan pengarah DQ JAKIM. Sebagai orang yang dipertanggungjawabkan terhadap pembangunan modal insan khususnya berkaitan keupayaan pelajar tahfiz di bawah seliaan JAKIM, keprihatinan beliau terhadap aspek kefahaman al-Quran bukanlah sukar untuk ditelaah.

Sehubungan dengan itu, satu kajian pernah dijalankan oleh sepasukan penyelidik DQ JAKIM terhadap aspek kefahaman al-Quran dan hubungannya dengan tahap pengekal hafazan (Abdul Jalal et al., 2016). Dapatan kajian tersebut mendapati kefahaman al-Quran tidak menunjukkan impak yang besar terhadap tahap pengekal hafazan apabila eksperimen yang dijalankan mendapati tiada perbezaan signifikan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Walau bagaimanapun, wajar disebut bahawa kajian Abdul Jalal et al. (2016) tidak menggunakan bahasa Arab sebagai faktor kefahaman tetapi menggunakan kitab al-Quran terjemahan sebagai alat membantu kefahaman. Walaupun subjek kajian mempunyai pengetahuan bahasa Arab sekurang-kurangnya pada tahap Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan pengajaran bahasa Arab masih diteruskan di bawah program Diploma Tahfiz, namun bahasa Arab dilihat tidak diberi keutamaan dalam mencari punca permasalahan. Hakikatnya, kefahaman yang diperolehi melalui terjemahan adalah terhad dan berbeza dengan kefahaman berasaskan penguasaan bahasa Arab atas ciri-ciri keistimewaan yang terdapat pada bahasa Arab.

Satu kajian terhadap pelajar tahfiz sebuah pesantren di Indonesia yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar di sekolah dan asrama merumuskan bahawa pengetahuan tafsir al-Quran mempunyai hubungan positif dengan pencapaian ujian hafazan (Ikhwanuddin & Che Noraini, 2014).

Walau bagaimanapun, daripada kajian berkenaan tidak dapat dipastikan adakah penguasaan bahasa Arab memainkan peranan di sebalik pengetahuan tafsir walaupun penyelidik menjustifikasi penguasaan kosa kata sebagai faktor keberkesanan kerana tiada kajian khusus dilakukan terhadap aspek kosa kata bahasa Arab. Terdapat juga kajian mendapati penguasaan mufradat (kosa kata) Arab mempunyai hubungan signifikan dengan kebolehan menghafaz al-Quran (Sofiah, 2013), namun kajian berkenaan terhad kepada aspek kosa kata sahaja. Begitu juga, kajian Zahriah dan pasukannya mendapati pelajar tahfiz mempersepsi nahu Arab penting untuk tujuan hafazan (Zahriah et al., 2016) namun kajian tersebut hanya terhad kepada aspek nahu sahaja. Kelompangan kajian itu juga kerana ia dianalisis secara deskriptif dan tiada petunjuk tentang hubungan sebab-akibat pengetahuan bahasa Arab terhadap pencapaian hafazan.

Kesimpulannya, walaupun sarjana Islam silam baik di zaman awal kegemilangan pendidikan Islam seperti era al-Qabisi dan Ibnu Khaldun mahupun ilmuan terkemudian seperti Tok Kenali menekankan kepentingan bahasa Arab dalam pengajian al-Quran, namun kajian-kajian sarjana kontemporari tidak menunjukkan pengetahuan bahasa Arab patut dikaji dalam konteks pendidikan tahfiz. Maka, pengkaji berpandangan terdapat kelompangan dalam kajian lepas yang perlu diisi dengan penyelidikan terhadap aspek skemata bahasa Arab khususnya dalam mengenal pasti peranannya sebagai faktor peramal bagi kefahaman al-Quran dan juga pencapaian hafazan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara skemata bahasa Arab, kefahaman al-Quran dan pencapaian hafazan dalam kalangan pelajar tahfiz yang mempunyai latar belakang pengajian bahasa Arab dengan memfokuskan kepada persoalan berikut:

- 1) Adakah skemata bahasa Arab mempunyai kesan langsung terhadap pencapaian hafazan dan kefahaman al-Quran?
- 2) Adakah skemata bahasa Arab mempunyai kesan tidak langsung terhadap pencapaian hafazan melalui kefahaman al-Quran?

Dua hipotesis kajian dibentuk berdasarkan persoalan kajian pertama:


Hipotesis 1 : Skemata bahasa Arab mempunyai kesan langsung terhadap pencapaian hafazan.

Hipotesis 2 : Skemata bahasa Arab mempunyai kesan langsung terhadap kefahaman al-Quran.

Manakala soalan kedua cuba dijawab dengan hipotesis ketiga:

Hipotesis 3 : Skemata bahasa Arab mempunyai kesan tidak langsung terhadap pencapaian hafazan melalui faktor pengantara, iaitu kefahaman al-Quran.

Berdasarkan teori dan karya lepas berkaitan hubungan antara beberapa pemboleh ubah seperti yang telah diterangkan, kajian ini dijalankan berpandukan kerangka konsep berikut:



Kerangka konsep kajian yang ditunjukkan dalam rajah 1 menggambarkan hubungan antara skemata bahasa Arab dengan kefahaman al-Quran dan pencapaian hafazan. Skemata bahasa Arab diramalkan mempunyai kesan langsung terhadap pencapaian hafazan dan juga kesan tidak langsung melalui kefahaman al-Quran.

METODOLOGI

Pada bahagian metodologi ini, lima (5) elemen utama akan dibincangkan, iaitu reka bentuk kajian, populasi dan persampelan, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan, serta prosedur pengumpulan data dan analisis data.


Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah berasaskan regresi, iaitu kaedah pemodelan persamaan berstruktur *Partial Least Squares-Structural Equation Modeling* (PLS-SEM). Ia bertujuan meneroka dan menyelidiki hubungan antara beberapa pemboleh ubah serta tahap sumbangan faktor peramal (pemboleh ubah bebas) skemata bahasa Arab terhadap pencapaian hafazan (pemboleh ubah bersandar). Pada masa ini, terdapat dua pendekatan SEM; Pemodelan Persamaan Berstruktur Berasaskan Kovarian (CB-SEM), sebagai contoh digunakan dalam AMOS dan Pemodelan Persamaan Berstruktur Berasaskan Varian yang dikenali sebagai PLS-SEM (Hair et al., 2017). Pemilihan antara dua jenis pendekatan SEM ini bergantung kepada tujuan kajian dan kegunaan pendekatan-pendekatan tersebut. CB-SEM digunakan untuk pengujian teori dan pengesahannya, manakala PLS-SEM sesuai untuk kajian ramalan dan pembangunan teori (Hair et al., 2011). Menurut Hair et al. (2011) SEM is

equivalent to carrying out covariance-based SEM (CB-SEM, dari segi konsep dan praktikal, PLS-SEM adalah sama dengan penggunaan analisis regresi berganda di mana objektif utama adalah untuk memaksimumkan varian yang dijelaskan dalam konstruk bersandar tetapi PLS-SEM mempunyai ciri-ciri tambahan untuk menilai kualiti data berdasarkan ciri-ciri model pengukuran yang tidak boleh dianalisis menggunakan kaedah regresi berganda. Berdasarkan tujuan kajian ini, maka pendekatan Pemodelan Persamaan Berstruktur Berasaskan Varian PLS-SEM telah digunakan.

Populasi dan Persampelan

Populasi kajian ini merupakan pelajar tahfiz yang mempunyai pengetahuan lepas bahasa Arab pada tahap SPM. Unit analisis kajian ini ialah pelajar tahun pertama daripada 12 institusi yang mengikuti program Diploma Tahfiz wa al-Qiraat DQ JAKIM. Kajian ini menggunakan prosedur persampelan kluster. Proses mendapatkan sampel diterangkan dalam rajah 2. Empat (4) institusi yang terpilih ialah Institut al-Quran Darul Aman Kedah (IQDAR), Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN), Maahad Tahfiz Majlis Agama Islam (MTQN MAIK) Kelantan dan Darul Quran JAKIM. Sampel sebenar pada akhir kajian ialah 246 setelah 17 orang digugurkan kerana tidak menyertai keseluruhan tempoh kajian.



Antara panduan yang menjadi asas perkiraan (*rule of thumb*) persampelan ketika menggunakan PLS-SEM ialah kadar minimum saiz sampel bersamaan sepuluh kali bilangan lajur struktur (anak panah) yang menuju ke mana-mana konstruk dalam model struktur (Hair et al., 2017). Selain berdasarkan tahap kerumitan (kompleksnya) model lajur PLS tersebut, turut diambil kira dalam penentuan saiz sampel PLS-SEM ialah kuasa statistik yang dikehendaki (biasanya 80%) dan aras signifikan (0.1, 0.05 atau 0.01) untuk mengesan nilai R^2 minimum yang terdiri daripada 0.10, 0.25, 0.50 dan 0.75 (Cohen, 1992 dalam Hair et al., 2017).

Bagi kajian ini, terdapat dua pemboleh ubah yang mempunyai lajur struktur kepada konstruk hafazan, iaitu pengetahuan bahasa Arab dan kefahaman al-Quran. Hal ini bermaksud sekurang-kurangnya 20 sampel diperlukan bagi kajian ini. Bagaimanapun, untuk mencapai nilai $R^2 = 0.25$ pada aras signifikan 0.05, saiz sampel minimum yang diperlukan ialah 52 (berdasarkan jadual Cohen, dalam Hair et al., 2014: 21). Walaupun saiz sampel yang kecil tidak menjadi masalah jika menggunakan PLS-SEM, namun menurut Hair et al. (2017), saiz sampel yang lebih besar biasanya meningkatkan ketepatan dan ketekalan anggaran PLS-SEM.

Instrumen Kajian

Teknik ujian telah digunakan untuk memungut data kajian. Satu set soalan ujian bahasa Arab dan ujian kefahaman al-Quran dibina sendiri oleh pengkaji sebagai instrumen kajian. Skemata bahasa Arab terdiri daripada tiga indikator, iaitu berdasarkan ujian nahu, saraf dan kosa kata. Ujian nahu mengandungi 18 item, saraf 15 item dan kosa kata 30 item. Bagi instrumen ujian kefahaman al-Quran pula, ia terdiri daripada 6 (enam) item.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Sebelum menjalankan kajian, proses kesahan kandungan ujian menggunakan cadangan Lynn (1986) telah dilakukan. Ia melibatkan enam orang pakar yang terdiri daripada empat orang pensyarah kanan bahasa Arab daripada universiti awam, seorang pensyarah kanan bahasa Arab daripada DQ JAKIM dan seorang guru cemerlang bahasa Arab di Sekolah Berasrama Penuh Berprestasi Tinggi yang terlibat aktif dalam pengajaran bahasa Arab peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Indeks kesahan kandungan menunjukkan semua komponen ujian dalam kajian ini mendapat skor 0.90 ke atas melebihi indeks kesahan kandungan minimum 0.80 (Grant & Davis, 1997: 273). Jadual berikut menunjukkan rumusan indeks kesahan kandungan ujian.

Jadual 1

Rumusan Penskoran Indeks Kesahan Kandungan Ujian

Konstruk	Domain ujian	Bilangan item	Perincian penilaian	Tindakan	Indeks kesahan
Skemata Bahasa Arab	Nahu	18	10 item mendapat skor 1.0 7 item mendapat skor 0.83 1 item mendapat skor 0.67	1 item telah digantikan selepas perbincangan dengan panel	0.91
	Saraf	15	10 item mendapat skor 1.0 4 item mendapat skor 0.83 1 item mendapat skor 0.67	1 item telah digantikan selepas perbincangan dengan panel	0.93
	Kosa kata	30	23 item mendapat skor 1 7 item mendapat skor 0.83	Tiada item digantikan	0.96
Kefahaman al-Quran	Kefahaman	6	Semua item mendapat skor 1	Tiada item digantikan	1.0

Nota: Skor 1.0= kesemua 6 panel bersetuju, skor 0.83= seorang panel tidak bersetuju, skor 0.67= dua orang panel tidak bersetuju

Aspek kesahan lain yang turut diambil kira ialah penyediaan Jadual Spesifikasi Item bagi setiap komponen bahasa Arab. Ia dibina berpandukan sukatan bahasa Arab peringkat SPM dan topik nahu, saraf serta kosa kata yang kerap timbul dalam juzuk 1 hingga 10 yang menjadi silibus hafazan peserta kajian. Ujian rintis telah dilakukan bagi menambah baik kualiti soalan dan persediaan masa yang mencukupi untuk kajian sebenar.

Aspek kebolehpercayaan ujian telah dipastikan dari segi masa ujian, kedudukan pelajar semasa ujian, penyediaan skema jawapan yang disemak oleh enam pakar terlibat, latihan pemeriksaan kepada beberapa orang pemeriksa bebas,

dan paling utama ialah aspek objektiviti ujian. 70 peratus daripada item ujian merupakan soalan objektif sama ada terdiri daripada dua pilihan jawapan atau aneka jawapan. Objektiviti merupakan aspek penting dalam menentukan kebolehpercayaan ujian kerana skor yang diperolehi adalah merujuk kepada perbandingannya dengan skema jawapan, bukan dipengaruhi oleh sentimen pemeriksa (Siti Rahayah, 2008). Semua aspek kebolehpercayaan ujian telah diperhalusi dan dipastikan bagi menjamin kebolehpercayaan hasil kajian, bermula daripada penyediaan soalan, pelaksanaan ujian dan juga penandaan dan penskoran.

Kebolehpercayaan dan kesahan gagasan bagi kajian yang menggunakan pendekatan PLS-SEM dilakukan dalam bentuk model pengukuran. Pemboleh ubah skemata bahasa Arab, kefahaman al-Quran dan pencapaian hafazan dalam kajian ini menggunakan indikator formatif. Penilaian model pengukuran formatif yang melibatkan penilaian kesahan konvergen dan kolineariti di antara indikator tidak dilakukan ke atas pemboleh ubah tersebut kerana ia menggunakan pengukuran objektif. Ujian normaliti juga tidak dilakukan ke atas semua indikator pengetahuan bahasa Arab, kefahaman al-Quran dan pencapaian hafazan kerana kajian menggunakan PLS-SEM tidak memerlukan data bertaburan normal (Hair et al., 2017). Hanya ujian kesignifikanan dan relevan pemberatan luaran dibincangkan.

Jadual 2 menunjukkan hasil pengujian kesignifikanan pemberatan luaran. Pada lajur nilai p, kesemua item adalah signifikan pada $p < .05$.

Jadual 2

Keputusan Pengujian Kesignifikanan Pemberatan Luar

Konstruk	Indikator Formatif	Pemberatan luaran (Pemuatan faktor)	Nilai t (>1.64)	Nilai p (<.05)	Sela Keyakinan
Pengetahuan Bahasa Arab	Nahu → Arab	0.55 (0.96)	4.83	0.000***	[0.35, 0.72]
	Saraf → Arab	0.33 (0.87)	3.16	0.001**	[0.16, 0.50]
	Kosa kata → Arab	0.23 (0.83)	2.64	0.004**	[0.09, 0.37]
Pencapaian Hafazan	Lisan → Hafaz	0.25 (0.82)	1.67	0.047*	[0.007, 0.508]
	Tulis → Hafaz	0.80 (0.98)	6.31	0.000***	[0.57, 0.99]

[Nilai kesignifikanan p: * < .05, ** < .01, *** .001, ujian jenis *one-tailed*]

Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data

Ujian bahasa Arab dan kefahaman al-Quran dijalankan sendiri oleh pengkaji di empat (4) buah lokasi kajian, iaitu Institut al-Quran Darul Aman Kedah (IQDAR) yang mewakili zon utara, Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN) mewakili zon selatan, Maahad Tahfiz Majlis Agama Islam (MTQN MAIK) Kelantan mewakili zon timur, dan Darul Quran JAKIM mewakili zon tengah. Bagi ujian hafazan pula, ia dijalankan oleh empat (4) buah institusi berkenaan pada akhir semester kajian ini dikaji. Ujian pencapaian hafazan ini terdiri daripada ujian hafazan lisan (*syafawi*) dan hafazan bertulis (*tahriri*). Data kajian bagi ujian ini, kemudiannya dihantar kepada pengkaji untuk dianalisis. Dari aspek analisis data, dua (2) alat analisis data telah digunakan yang melibatkan perisian SPSS Versi 22 dan *Smartpls* 3.2.7.

Kesimpulannya, objektif kajian ini diterokai melalui pendekatan PLS-SEM, dengan mematuhi prosedur penyelidikan berkaitan aspek kesahan dan kebolehpercayaan yang sewajarnya.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dapatan terhadap persoalan kajian diikuti perbincangan yang berkaitan. Pertama, dihuraikan dapatan ujian model pengukuran. Kedua, dibincangkan ujian hipotesis kesignifikanan yang menjawab persoalan pertama dan kedua kajian.

Model Pengukuran Struktur

Penilaian model struktur merangkumi beberapa langkah penilaian, iaitu menentukan kolineariti, menilai kesignifikanan dan menganalisis kerelevanan hubungan dalam model struktur. Selain itu, ia menilai tahap ketepatan peramalan (R^2) dan ketepatan saiz peramalan (f^2).

Jadual 3 menunjukkan semua pemboleh ubah mempunyai nilai *Variance Inflation Factor* kurang dari 5 ($VIF < 5$) terhadap pemboleh ubah skemata bahasa Arab, pencapaian hafazan dan kefahaman al-Quran. Nilai < 5 ini menunjukkan bahawa tidak wujud kolineariti (pertindanan) di antara pemboleh ubah yang dikaji. Ini bermakna tiada pemboleh ubah bebas yang bertindan di antara satu sama lain dalam menerangkan pemboleh ubah bersandar.


Jadual 3

Penilaian Kolineariti antara Pemboleh Ubah Kajian

Pemboleh Ubah	Nilai VIF	
	Pencapaian Hafazan	Kefahaman Al-Quran
Kefahaman al-Quran	2.24	
Skemata Bahasa Arab	2.69	1.00

Ketepatan Peramalan

Nilai R^2 difahami sebagai nilai pekali penentuan dan penunjuk kepada varians perubahan dalam pemboleh ubah endogen (bersandar) dalam model struktur. Semakin tinggi nilai R^2 , semakin baik sesuatu konstruk diterangkan oleh pemboleh ubah pendam yang mengahala kepadanya (Hair at al., 2014: 93). Nilai R^2 juga membawa makna penunjuk ketepatan peramalan. Penilaiannya akan membawa kepada ketepatan penilaian terhadap pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji. Dalam kajian ini, analisis ini bermaksud sejauh manakah pemboleh ubah pencapaian hafazan dan kefahaman al-Quran diramal dengan tepat berdasarkan pemboleh ubah bebas yang menjadi peramal. Rajah 3 menerangkan hasil analisis model struktur pencapaian hafazan yang memaparkan nilai pekali koefisien (β) dan nilai varians perubahan (R^2) pada beberapa pemboleh ubah bersandar (konstruk endogen), iaitu kefahaman al-Quran dan pencapaian hafazan.



Hasil analisis dalam Rajah 3 menjelaskan bahawa model struktur tersebut tidak ditolak. Kefahaman al-Quran dapat diterangkan oleh faktor skemata bahasa

Arab sebanyak 54.8 peratus ($R^2= 0.55$). Pencapaian hafazan pula diterangkan oleh faktor skemata bahasa Arab dan kefahaman al-Quran sebanyak 31.3 peratus ($R^2= 0.31$). Berdasarkan analisis laluan dalam model yang dipaparkan, skemata bahasa Arab adalah satu faktor peramal bagi pencapaian hafazan. Dengan kata lain, semakin baik skemata bahasa Arab seseorang, semakin baik pencapaian hafazannya. Ini dibuktikan dengan berdasarkan petunjuk pekali koefisien skemata bahasa Arab terhadap pencapaian hafazan ($\beta=0.53$). Selain skemata bahasa Arab, pencapaian hafazan diramalkan oleh faktor kefahaman al-Quran ($\beta =0.27$). Dapatan ini merupakan satu penemuan baru dalam konteks hafazan al-Quran, iaitu pengetahuan bahasa Arab boleh meramal kefahaman al-Quran dan pencapaian hafazan. Analisis f^2 menerangkan kadar perubahan yang berlaku ke atas ke atas kefahaman al-Quran dan pencapaian hafazan selepas dimasukkan konstruk skemata bahasa Arab. *Cut off* atau petunjuk kesan ialah 0.02=kecil, 0.15= sederhana dan 0.35=besar (Hair et al., 2014).

Jadual 4

Petunjuk Saiz Kesan (f^2)

	Pencapaian hafazan		Kefahaman al-Quran	
	β	f^2	β	f^2
Skemata Bahasa Arab	.53	.07	.74	1.21
Kefahaman al-Quran	.26	.05		

Nilai saiz kesan f^2 yang menggambarkan pengaruh pemboleh ubah eksogen ke atas endogen dari segi sumbangan varian menunjukkan bahawa skemata bahasa Arab dan kefahaman al-Quran menyumbang dalam menerangkan konstruk endogen (pencapaian hafazan) pada tahap yang berbeza, iaitu satu kesan besar dikenal pasti bagi sumbangan terhadap kefahaman al-Quran ($f^2=1.21$) sementara kesan kecil ditemui terhadap pencapaian hafazan al-Quran ($f^2=.07$). Manakala kefahaman al-Quran menyumbang dalam saiz yang kecil ($f^2=.05$) terhadap pencapaian hafazan. Oleh kerana belum ditemui sebarang kajian serupa sebelum ini, maka kajian bersifat penerokaan ini tidak dapat dibuat perbandingan dengan kajian lain. Implikasi analisis ini menunjukkan bahawa pengetahuan bahasa Arab sangat penting dalam meramal kefahaman al-Quran dan turut mempunyai kepentingan terhadap hafazan al-Quran walaupun pada nisbah yang kecil.

Pengujian Hipotesis Kajian

Soalan pertama dijawab melalui ujian hipotesis 1 dan 2, iaitu skemata bahasa Arab mempunyai kesan langsung terhadap pencapaian hafazan dan kefahaman

al-Quran. Jadual 5 menunjukkan hipotesis kajian yang pertama dan kedua diterima. Berdasarkan analisis *bootstrapping*, kesan langsung skemata bahasa Arab ($\beta = 0.53$) adalah signifikan ($t=10.87$, $p<0.001$) terhadap pencapaian hafazan dan juga kefahaman al-Quran ($\beta = 0.74$, $t=28.38$, $p<0.001$)

Jadual 5

Kesan Langsung Skemata Bahasa Arab terhadap Pencapaian Hafazan

Hipotesis	Hubungan	SE	T	P	95% CI	Keputusan	
1	Skemata bahasa Arab → Pencapaian Hafazan	0.53	0.05	10.87	0.00	[0.44, 0.60]	Diterima
2	Skemata bahasa Arab → Kefahaman al-Quran	0.74	0.03	28.38	0.00	[0.69, 0.78]	Diterima

Keputusan kajian di atas menggambarkan bahawa semakin baik pengetahuan bahasa Arab seseorang pelajar, semakin bagus pencapaian hafazannya. Begitu juga, semakin baik penguasaan Arab seseorang, semakin meningkat kefahamannya terhadap ayat al-Quran. Dapatan ini mempunyai bukti untuk menyokong teori skemata, iaitu skemata bahasa relevan dalam konteks kefahaman teks al-Quran dan juga aktiviti hafazan. Ia membenarkan dapatan bahawa majoriti pelajar yang telah menghafaz al-Quran dengan cemerlang mempersepsi pengetahuan nahu penting untuk hafazan al-Quran (Zahriah et al., 2016). Begitu juga, ia selari dengan penemuan kajian lain yang menghubungkan aspek bahasa Arab seperti kosa kata dengan keupayaan membaca dan menghafaz al-Quran (Ikhwanuddin & Che Noraini, 2014; Nuha, 2015; Sofiah, 2013). Yang utama, penemuan ini mengesahkan keunggulan teori pendidikan al-Qabisi yang menekankan pengajaran bahasa Arab kepada pelajar tahfiz. Malah ia juga selari dengan pandangan tokoh-tokoh sarjana Islam seperti Ibnu Khaldun, al-Qadhi Ibnu al-Arabi (Ibnu Khaldun, 1984), al-Ahwani, al-Shafie dan lain-lain tentang kepentingan bahasa Arab dalam pembelajaran al-Quran termasuk hafazan. Ia juga selaras dengan kepercayaan umum bahawa untuk memahami al-Quran, tidak boleh tidak seseorang mesti menguasai ilmu bahasa Arab.

Soalan kedua kajian dapat dijawab berdasarkan dapatan analisis pengantaraan (*mediation analysis*). Berdasarkan hipotesis 3, skemata bahasa Arab diramalkan mempunyai kesan tidak langsung terhadap pencapaian hafazan melalui faktor kefahaman al-Quran. Kesan tidak langsung menerangkan bagaimana kefahaman al-Quran menjadi pengantara (*mediator*) bagi hubungan antara

skemata bahasa Arab dengan pencapaian hafazan. Dapatan analisis tersebut diterangkan dalam jadual berikut:

Jadual 6

Kesan Tidak Langsung Skemata Arab terhadap Pencapaian Hafazan

Hipotesis	Hubungan	β	SE	T	P	95% CI	Keputusan
3	Skemata bahasa Arab → Kefahaman Pencapaian → Hafazan	0.20	0.06	3.48	0.00*	[0.11, 0.30]	Signifikan

Berdasarkan Jadual 6, hipotesis 3 mengenai kesan tidak langsung skemata bahasa Arab terhadap pencapaian hafazan melalui kefahaman al-Quran adalah diterima. Berdasarkan analisis *bootstrapping*, kesan pengantara kefahaman al-Quran ($\beta = 0.20$) adalah signifikan ($t = 3.48, p < 0.05$, ujian *one-tailed*) terhadap pencapaian hafazan.

PERBINCANGAN

Keseluruhan keputusan kajian yang telah dipaparkan menggambarkan bahawa semakin baik kefahaman al-Quran seseorang pelajar, semakin bagus pencapaian hafazannya. Sementara itu, kefahaman ayat al-Quran pula dipengaruhi oleh penguasaan bahasa Arab dalam beberapa komponen yang dikaji, iaitu komponen nahu, saraf dan kosa kata al-Quran. Kepentingan kefahaman al-Quran dalam konteks hafazan telah ditegaskan oleh ilmuwan Islam lampau dan kontemporari (Ibnu Khaldun, 1984). Malah ia diakui oleh sebilangan pengkaji dan pelajar tahfiz sebagai satu strategi membantu memudahkan proses mengingat dan menimbulkan motivasi untuk menghafaz (Abdul Jalal et al., 2016; Azmil, Ab Halim, et al., 2014; Azmil & Abdul Halim, 2012; Nik Md Saiful Azizi, 2014; Zarina, 2014). Melalui kefahaman al-Quran, ayat yang dibaca menjadi lebih mudah diingat ketika proses hafazan berlaku (Zarina, 2014). Menurut seorang responden, selain menghafaz, dia turut mengajar tahfiz dan menggalakkan pelajarnya menguasai bahasa Arab kerana menjadikan mereka lebih mudah menghafaz ayat-ayat al-Quran (Zarina, 2014).

Dapatan kajian ini bagaimanapun tidak selari dengan hasil kajian sekumpulan penyelidik Darul Quran JAKIM yang mendapati kefahaman al-Quran tidak menunjukkan impak terhadap pencapaian hafazan (Abdul Jalal et al., 2016). Bagaimanapun, kajian tersebut menggunakan al-Quran terjemahan sebagai

bahan pengajaran kefahaman, bukannya bersumberkan pengetahuan bahasa Arab. Justeru, perbezaan dapatan dipercayai mempunyai hubungan dengan metod dan bahan kajian antara kedua-duanya.

Hal ini demikian kerana pengetahuan bahasa Arab mempunyai kaitan dengan aspek bunyi baris perkataan yang dibaca. Misalnya, sesuatu perkataan yang sama tetapi berbeza kedudukannya dalam struktur nahu ayat memberi implikasi bunyi baris akhir yang berbeza. Demikian juga, pengetahuan saraf membantu membezakan antara baris di tengah perkataan yang tertentu dalam menerangkan makna yang berlainan, misalnya antara kalimah *al-musawwir* dan *al-musawwar*. Kekeliruan ini boleh dirungkaikan ketika proses mula menghafaz dengan berbantuan pengetahuan bahasa Arab untuk membezakannya. Oleh itu, pengetahuan bahasa Arab boleh digunakan ketika mengatasi masalah ayat *mutasyabihat* (hampir serupa) yang banyak di dalam al-Quran. Hal ini tidak dapat dibantu dengan hanya memahami al-Quran melalui terjemahan terutama dalam keadaan terdapat pelbagai versi terjemahan al-Quran.

Secara umum, hafalan yang diberi makna dikatakan membantu proses mengingat dengan lebih mudah. Satu kajian tentang hafalan nombor dalam jumlah yang banyak mendapati, kemahiran pengekodan yang unik dan berkesan seperti memberi makna terhadap hubungan antara nombor yang dihafal didakwa membantu Memori Bekerja Jangka Panjang, iaitu dengan mengurangkan gangguan semasa proses mengingat dan hafalannya dikatakan kekal lebih lama dalam ingatan (Hu & Erricson, 2012). Dalam konteks kajian ini pula, kefahaman terhadap ayat hafazan didapati telah menyumbang terhadap peningkatan pencapaian hafazan. Hal ini dipercayai berlaku dengan cara mempercepatkan proses mengingat dalam memori bekerja. Ia selari dengan dapatan Zahriah et al. (2016) bahawa lebih 50 peratus daripada responden bersetuju bahawa pengetahuan nahu telah membantu mereka sebagai strategi mempercepat hafazan, mengingat semula ayat yang telah dihafaz, memudahkan untuk menghafaz ayat sukar dan ayat yang serupa (*mutashabihat*) serta mengingat sebutan dan susunan perkataan dalam al-Quran. Ia menunjukkan bahawa ilmu bahasa Arab jika diaplikasikan dengan betul dan strategik, boleh memberikan natijah yang baik terhadap pencapaian hafazan.

Kesimpulannya, penemuan utama kajian ini menunjukkan bahawa pengetahuan bahasa Arab mempunyai kesan langsung terhadap kefahaman al-Quran dan pencapaian hafazan bagi sekumpulan pelajar tahfiz yang mempunyai asas pengetahuan bahasa Arab sekurang-kurangnya pada peringkat SPM. Pada masa yang sama, kefahaman al-Quran menjadi faktor

pengantara antara pengetahuan bahasa Arab dan pencapaian hafazan. Dengan kata lain, semakin baik pengetahuan bahasa Arab seseorang, semakin baik kefahamannya terhadap al-Quran dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan pencapaian dalam hafazan.

KESIMPULAN

Walaupun pencapaian hafazan umumnya kurang memberangsangkan dan diakui terdapat kepentingan kefahaman al-Quran terhadap hafazan, namun ditemui masih ramai pelajar tahfiz menghadapi masalah dalam aspek kefahaman al-Quran. Dalam masalah ini, sungguhpun ramai sarjana Islam baik di era awal kegemilangan tamadun Islam seperti Ibnu Khaldun mahupun ilmuan terkemudian seperti Tok Kenali menekankan pengajaran bahasa Arab dalam pendidikan al-Quran, namun *trend* kajian sarjana kontemporari tidak menunjukkan pengetahuan bahasa Arab penting untuk dikaji dalam konteks pendidikan tahfiz. Senario ini memberikan gambaran bahawa kajian dalam bidang hafazan sebelum ini tidak mencari punca permasalahan sebenar di sebalik kelemahan kefahaman al-Quran, iaitu faktor skemata bahasa Arab khususnya dalam kalangan pelajar tahfiz yang mempunyai latar belakang pengajian bahasa Arab. Maka, kami mengisi jurang pengetahuan tersebut dengan menyelidiki adakah skemata bahasa Arab boleh menjadi faktor peramal bagi kefahaman al-Quran dan juga pencapaian hafazan. Hasil kajian ini telah memberikan satu penemuan baru terhadap khazanah penyelidikan berkaitan tahfiz, iaitu skemata bahasa Arab mempunyai kesan langsung terhadap kefahaman al-Quran dan pencapaian hafazan, manakala kefahaman al-Quran pula menjadi faktor pengantara di antara pengetahuan bahasa Arab dan pencapaian hafazan. Dapatan ini memberi petunjuk bahawa pengetahuan bahasa Arab perlu diberi keutamaan dalam sistem pendidikan tahfiz masa kini. Justeru, disarankan kepada pihak yang berkaitan dengan bidang pendidikan tahfiz agar memberi perhatian terhadap aspek bahasa Arab dalam usaha memperkasakan pembelajaran hafazan. Ruang penyelidikan untuk lebih memahami fungsi bahasa Arab dalam pendidikan tahfiz terbuka luas kepada para pengkaji seperti membina dan melaksanakan modul hafazan berbantuan skemata bahasa Arab dan seumpamanya.

PENGHARGAAN

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil penyelidikan di bawah Geran Putra UPM. No projek: GP-IPS/2016/9497600.

RUJUKAN

al-Quran al-Karim.

- Abdul Hayei Abdul Sukor. (2003). Sumbangan Tok Kenali kepada gerakan tajdid Islam di Kelantan. *al-Bayan: Journal of al-Quran and al-Hadith*, 1, 1–26.
- Abdul Jalal Abdul Manaf, Shamsul Bahari Dahalan, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Muhammad Toriq Yaacob, Zamzarina Md Sood, Sukhairu Sulaiman, Mohd Abdul Rauf Sidek & Nur Syazrin Nazee Mudeen. (2016). *Keberkesanan kaedah kefahaman makna ayat al-Quran berbantuan al-Quran terjemahan dalam pengajaran dan pembelajaran hizf al-Quran*. Selangor: Darul Quran JAKIM.
- Awatif Abdul Rahman, Muhammad Khairi Mahyuddin, Hairun Najuwah Jamali, Ku Fatahiyah Ku Azizan & Siti Nurhajariah Mat Isa. (2017). Teori skemata melalui penguasaan bahan bacaan: Satu proses interaktif. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Keluaran Khas*, 82-92.
- Azhar Muhammad. (2005). Beberapa aspek keunikan dan keistimewaan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran. *Jurnal Teknologi*, 42(E) Jun, 61–76.
- Azmil Hashim. (2010). Penilaian pelaksanaan kurikulum tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan MTQN. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali, Aderi Che Noh. (2014). Kaedah pembelajaran tahfiz dan hubungannya dengan pencapaian hafazan pelajar. *Journal of al-Quran & Tarbiyyah*, 1(1), 9–16.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri. (2012). Persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2), 1–10.
- Carrell, P. L. (1983). Three components of background knowledge in reading comprehension. *Language Learning*, 33(2), 183–203.
- Carrell, P. L. (1987). ESP in applied linguistics: Refining research agenda implications and future directions of research on second language reading. *English for Specific Purposes*, 6(3), 233–244.
- Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., & S. (2017). *A primer on partial least squares structural equation modeling* (2nd ed.). SAGE Publications.
- Hair, J. F., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2011). PLS-SEM: Indeed a silver bullet. *Journal of Marketing Theory and Practice*, 19(2), 139–151.
- Hamed, L. A. A., Behnam, B., & Saiedi, M. (2014). The role of formal schemata in the development of précis writing in an Iranian EFL context. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 98, 207–211.
- Hu, X. (2012). The application of schema theory in college English listening teaching. *Theory and Practice in Language Studies*, 2(2), 282–288.

- Ibnu Khaldun, A. R. (1984). *Mukaddimah Ibnu Khaldun* (5th ed.). Dar al-Qalam.
- Lynn, M. R. (1986). Determination and quantification of content validity. *Nursing Research*, 35(6), 382–386.
- Muhammad Ikhwanuddin & Che Noraini Hashim. (2014). Relationship between memorization technique, mastery of the Arabic language and understanding of the Qur'an. *IJUM Journal of Educational Studies*, 2(2), 84–97.
- Nik Farhan Mustapha. (2010). Mengaktifkan maklumat sedia ada: Tips pengajaran membaca yang efektif dan praktikal. Dlm Che Radiah Mezah (Ed.), *Pengajaran Bahasa Arab: Himpunan pedomam buat guru dan bakal guru* (Siri 1) (pp. 63-74). Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nik Farhan Mustapha. (2011). *Istratijiyyat al-qiraat lada talabat al-lughat al-'Arabiyyat fi Jami'at Putra al-Maliziyyat wa mada ta'thiriha 'ala mustawa isti'abihim al-qira'iy*. Tesis Ph.D, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Malaysia.
- Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah. (2014). *Istratijiyyat hifz al-Quran al-Karim lada al-huffaz fi Muassasah al-Tahfiz Dar al-Quran Malizia: Dirasah Halah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Malaysia.
- Nuha Mohammad Maksyufun. (2015). *Studi korelasi antara penguasaan pelajaran bahasa Arab dengan kemampuan membaca al-Quran siswa MI Matholiunnajah Sinanggul Kec. Mlonggo Kab. Jepara*. Tesis Sarjana Muda. Universitas Islam Negeri Walisongo, Semarang, Indonesia.
- al-Qabisi, A. A. (1986). *al-Risalah al-mufassilah li ahwal al-muta'allimin wa ahkam al-mua'llimin wa al-muta'allimin*. (Khalid, Ed.). Tunis: Tunisiyyah li al-Sharikah al-Tauzi'.
- Sedek Ariffin & Zulkifli Mohd Yusoff. (2015). *Metodologi hafazan al-Quran*. Universiti Malaya Press.
- al-Shafie, M. I. (1999). *al-Risalah*. Lubnan: Dar al-Nafaes.
- Siti Rahaya Ariffin. (2008). *Inovasi dalam pengukuran dan penilaian pendidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Sofiah. (2013). *Studi korelasi antara penguasaan mufradat dengan kemampuan membaca al-Quran di Pondok Pesantren Tahaffudzul Quran Purwoyoso Ngalian Semarang*. Tesis Sarjana. IAIN Walisongo, Semarang, Indonesia.
- Zahriah Husin, Nik Farhan Mustapha, Che Radiah Mezah, Pabiyah Toklubok@Hajimaming & Normaliza Abd Rahim. (2016). Kepentingan nahu Arab dalam menghafaz al-Quran. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(2), 95–110.
- al-Zain, M. A. (2009). *Ahammiyat al-lughah al-'Arabiyyah fi fahm al-Quran wa al-Sunnah*. Islamic Affairs & Charitable Activities Department Idarat al-Buhuth.

Zarina Mohamed @ Ayub. (2014). *Quranic memorization: Exploring cognitive processes among the huffaz*. Tesis Sarjana. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

al-Zawawi, Y. A. F. (2013). *Khairu al-mu'in fi hiz al-Qur'an al-karim*. Dar Ibn Hazm.